

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JANUARY 2017

# MAMPUKAH PAS TERUS ISTIQAMAH?

UM - 25/1/2017

**T**IADA apa yang mengejutkan apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyatakan bersedia menutup pintu rundingan dengan Pas ekoran keengganan parti Islam tersebut bekerjasama dalam pakatan pembangkang.

Ini memandangkan sejak dahulu lagi ketika menjadi Presiden UMNO, Dr. Mahathir tidak pernah mempunyai pandangan baik terhadap Pas. Kajian ucapan dan kenyataan media ketika beliau memegang jawatan itu, Pas sentiasa menjadi sasaran kritikan dan kecaman beliau.

Oleh itu apabila Dr. Mahathir dilihat begitu keras dengan Pas tetapi sanggup 'berpeluk' dengan pemimpin-pemimpin DAP ini tidak perlu dihairankan. Tambahan pula, Pas sememangnya sudah memisahkan diri daripada pakatan pembangkang yang DAP menjadi ketuanya.

Dua daripada tiga parti dalam pakatan pembangkang adalah musuh Pas iaitu DAP dan PAN. DAP sejak dulu, kini dan selamanya tidak pernah menerima perjuangan Pas, pemimpinnya juga tidak mempunyai perasaan hormat kepada ulama-ulama Pas manakala PAN pula semua orang tahu bagaimana parti itu terwujud.

Malahan kenyataan-kenyataan pemimpin PAN terus tajam menghiris perasaan pemimpin dan ahli Pas, ketika Dr. Mahathir dan PPBM sedang berusaha menarik Pas untuk bersama-sama pakatan pembangkang menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Berdasarkan senario itu mana mungkin Pas mahu bergabung atau bekerjasama dengan pakatan pembangkang yang kini sudah sepakat bersama PPBM. Walaupun Pas memiliki kerjasama dengan PKR tetapi mungkin hanya sehingga Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sahaja.

Sudah ada tanda-tanda bahawa DAP, PPBM dan PAN tidak akan membenarkan PKR meneruskan kerjasama dengan Pas dalam berhadapan PRU-14. Wa-



laupun DAP melalui Penasihat Lim Kit Siang cuba 'tunjuk baik' dengan menghulurkan salam perdamaian kepada Pas, tetapi semua itu hanyalah mainan atau taktik politik semata-mata.

Pas tidak boleh dan tidak mungkin akan terperangkap dengan helah DAP kerana mereka sudah berasa betapa peritnya layanan yang diberikan oleh DAP terhadap parti itu ketika mereka sama-sama berada dalam pakatan pembangkang suatu ketika dahulu.

Walaupun PKR mungkin menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Pas tetapi hubungan itu kini boleh dianggap bagaikan 'telur di hujung tanduk'. Ini memandangkan DAP kini semakin mengukuhkan cengkaman mereka sebagai 'taiko' dalam pakatan pembangkang hasil hubungan politik dengan Dr. Mahathir.

Bekas Perdana Menteri itu pula dilihat lebih selesa berbingcang dan bergaul dengan DAP berbanding pemimpin-pemimpin PKR. Dr. Mahathir memahami PKR tidak sekuat mana manakala PAN pula hanya 'penyendal' untuk merebut kekuasaan. Beliau pada mulanya mengharapkan Pas akan dapat bersama pembangkang tetapi apabila Pas dilihat tidak memberi kata putus maka bekas Perdana Menteri itu bersedia meminggirkan parti tersebut.

Bagi Pas pula, mereka secara terbuka sudah menyatakan tidak hairan dengan pendirian Dr. Mahathir. Pas tetap yakin dengan pendirian awalnya untuk terus berjuang sendirian dalam PRU-14 walaupun berhadapan dengan tohmahan bahawa tindakan itu akan memberi peluang kepada BN mengekalkan kuasanya.

Namun begitu dalam politik segala-galanya berkemungkinan, pendirian Pas mungkin boleh berubah tetapi soalnya sanggupkah Pas menggadaikan maru-



DR. MAHATHIR MOHAMAD berbual dengan Lim Kit Siang semasa hadir ke Konvensyen PAN yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor, 10 Disember 2016. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

ahnya untuk diperkotak-katikan oleh DAP dan diketawakan oleh pemimpin-pemimpin PAN?

Pas perlu sedar pelawaan untuk menyertai pembangkang yang dihulurkan oleh Dr. Mahathir dan kemudiannya Kit Siang tidak ikhlas. Sejak awal lagi sehingga ke hari ini, pelawaan itu hanya bermotifkan satu matlamat iaitu mahu memastikan tidak berlaku pertandingan tiga penjur yang dianggap akan memberi kelebihan kepada BN untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Sama ada Dr. Mahathir, PPBM mahupun Kit Siang mereka mahu memujuk Pas kerana matlamat itu bukannya menghormati Pas sebagai sebuah parti yang jauh lebih berusia dan berpengalaman berbanding PKR, PAN mahupun PPBM.

Bagi mereka jika Pas tidak bersama pembangkang, misi politik mereka untuk memastikan pertembungan satu lawan satu dengan BN dalam PRU-14 tidak akan berhasil. Setakat ini tidak ada mana-mana pemimpin pembangkang termasuk Dr. Mahathir sendiri yang menyatakan akan menghormati perjuangan Islam Pas. Sebaliknya apa yang kita saksikan, Dr. Mahathir lebih banyak memuji amalan politik DAP yang suatu ketika dahulu 'dise-

rang' oleh beliau habis-habisan.

Oleh itu apa faedah yang Pas akan dapat jika menyertai pembangkang? Apakah semata-mata mahu memenuhi agenda Dr. Mahathir menumbangkan BN dan kemudiannya dilayan bagaikan sebuah parti tidak bermaruah apabila agenda itu tercapai?

Penulis diberitahu, dalam Pas sendiri majoriti ahli dan penyokong parti itu mahu Pas kekal sebagai pembangkang tetapi tidak menyalinkan kerjasama bukan sahaja dengan DAP, PAN dan PPBM tetapi juga dengan UMNO.

Bagi mereka sudah sampai masanya Pas berpegang kepada prinsip 'Istiqamah hingga kemenangan' seperti mana diketengahkan oleh presiden parti itu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Istiqamah tersebut bermaksud mempertahankan dasar dan prinsip perjuangan Pas dan bukannya menggadaikannya kepada sekutu politik semata-mata mahu merebut kemenangan.

Apapun pilihan terletak di tangan Pas. Terpujang kepada kepemimpinan parti itu untuk membuat keputusan tetapi kalaulah Rang Undang-undang (RUU 355) yang dibawa Pas oleh ditentang habis-habisan oleh DAP dan PAN, apa lagi yang Pas harapkan?